

# Daya pengeluaran tak akan meningkat jika asyik konfrontasi—PM

UM 25 MAR 1963

**K**UALA LUMPUR 24 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa kecekapan dan daya pengeluaran negara tidak dapat diperingkatkan skiranya kerajaan dan pihak swasta asyik berkonfrontasi.

Kata Perdana Menteri, Malaysia juga tidak mungkin dapat bersaing dengan negara lain dengan jayanya dalam keadaan seperti itu.

Berucap merasmikan mercutanda United Motor Works (UMW) di sini, beliau menjelaskan bahawa konsep "Persyarikatan Malaysia" bermakna pemerintahan dan swasta adalah anggota yang sepakat dalam usaha menjadikan negara ini lebih cekap dan kompetatif, dan bukan sektor yang saling bertentangan.

"Dalam konsep ini, kerajaan harus berusaha secara positif untuk menjayakan peniaga dan pengusaha. Para peniaga dan pengusaha pula harus menganggap kerajaan sebagai rakan yang perlu dibantu.

"Ini adalah kerana kerajaan bukan sahaja ditugaskan untuk pembangunan dan kestabilan negara tetapi adalah sebahagian daripada

jentera yang boleh menjayakan segala kegiatan ekonomi negara," tambahnya.

Hasil dari kerjasama dan tolong menolong itu, menurut Perdana Menteri, negara akan kaya dan stabil dan ini sudah tentu membawa manfaat kepada kerajaan, peniaga dan pengusaha dan rakyat keseluruhannya.

Dalam ucapannya, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa kerajaan diwujudkan di negara ini bukanlah untuk memberi peluang pekerjaan kepada pegawai dan kakitangan semata-mata atau untuk memberi kuasa kepada orang-orang tertentu.

Beliau berkata, pegawai, kakitangan dan ahli politik diberi gaji dan kuasa adalah semata-mata untuk mengawal keadaan dalam negara dan perhubungan luar supaya negara terpelihara dari huru-hara.

"Hasil dan cukai yang dikutip bukan sahaja untuk bayaran upah kepada anggota kerajaan tetapi adalah untuk penyediaan pembinaan dan penyelenggaraan segala kemudahan yang diperlukan oleh rakyat, termasuk peniaga dan pengusaha," tambahnya.

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa adalah mustahil bagi kerajaan menyediakan segala-gala yang diperlukan.

Oleh itu, jelas Datuk Sri Dr. Mahathir, rakyat di semua peringkat masih dikehendaki berusaha menentukan keadaan masyarakat menjadi lebih bahagia.

Beliau juga menegaskan bahawa tidak ada kerajaan di dunia ini yang boleh mengawal keadaan alam sekeliling sepenuhnya jika rakyat suka melakukan jenayah, menipu, mencemar alam sekeliling dan mencestuskan huru-hara sepanjang masa.

Mengenai usaha mengindahkan alam sekeliling, Perdana Menteri berkata, peranan yang penting sekali dari orang ramai ialah mengelak dari mencemar alam sekitar mereka.

Menurut beliau, mereka yang mampu patut berusaha sendiri bukan sahaja untuk menjaga keadaan yang sedia ada tetapi juga mengindahkan keadaan di sekeliling rumahtangga dan kampung halaman mereka.

"Bagi yang lebih mampu pula seperti hartawan-hartawan dan syarikat-

syarikat, mereka patutlah membantu kerajaan dalam usaha mengindahkan alam sekitar.

"Melalui syarikat-syarikat dan hartawan-hartawan, kerajaan dan rakyat akan menjadi satu badan atau persyarikatan yang bergerak untuk kebajikan negara sekurang-kurangnya dalam bidang pemeliharaan alam sekeliling," ujarnya.

Sebelum memulakan ucapannya petang ini Perdana Menteri telah berseloroh-sejenak dengan berkata bahawa beliau berharap pentas di mana beliau berucap dan para hadirin duduk tidak akan runtuh.

Katanya "saya harap pentas ini kuat dan tidak akan runtuh seperti yang pernah berlaku di tempat lain tidak lama dulu."

Sidang hadirin yang sedar masing-masing ketawa kerana keruntuhan pentas yang dimaksudkan beliau ialah peristiwa yang berlaku di Batu Caves awal bulan lalu ketika Menteri Besar Selangor Datuk Haji Ahmad Razali dan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Samy Vellu menghadiri upacara

sambutan Hari Thaipusam.

Pentas di mana mereka berdiri telah runtuh dan mencederakan beberapa orang termasuk Menteri Besar Selangor.